

Suami tak mampu punca nafkah tertunggak

Lelaki tak layak kahwin atau amal poligami jika bertujuan dera isteri



NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia

Tidak dapat dinafikan hari ini ramai isteri yang berkerjaya dan mampu menanggung keluarga sekiranya suami gagal menunaikan tanggungjawab. Malah, dalam berpoligami juga ada yang mengambil kesempatan menghimpun nafkah isteri-isteri.

Tindakan itu mengundang perhatian pemimpin dan pertubuhan wanita dan hakikat ini sedikit sebanyak mencalarakan keizinan syarak kerana poligami bertujuan membela wanita yang dalam kesusahan bukannya menganiaya wanita.

Undang-undang Islam memutuskan nafkah adalah tanggungjawab suami dan menafikan hak mana-mana lelaki untuk berumah tangga jika tidak mampu memberi nafkah kerana perkahwinan yang menyebabkan isteri dizalimi wajib dihalang.

Suami sebagai qawwam

Suami adalah *qawwam* (pemimpin) yang bertanggungjawab terhadap isteri seperti disebutkan dalam firman Allah

SWT: "Lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum wanita." (Surah An-Nisaa', ayat 34)

Adalah penting untuk mengetahui sama ada bakal suami atau keturunan sebelah bapanya mampu menunaikan tanggungjawab memberi belanja asas untuk kesenangan ahli keluarga yang bakal bertambah. Jika suami tidak memberi nafkah, maka bapa atau datuk wajib berbuat demikian.

Perintah membayar nafkah bukanlah sewaktu dalam tempoh perkahwinan saja, tetapi juga dalam waktu edah dan selepas perceraian (untuk anak-anak saja).

Di atas budi bicara isteri yang merelakan suami untuk tidak menunaikan tanggungjawab, masalah ini akan lebih meruncing apabila menuju perceraian kerana isteri akan memohon nafkah tertunggak seperti dibenarkan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri.

Membayangkan bayaran itu mungkin mencecah ratusan ribu, kerana nafkah bukan hanya wang membeli keperluan dapur, juga tempat tinggal, pakaian, pembantu dan kemudahan asas lain, ramai suami yang tidak mahu melepaskan isteri kerana tidak mampu membayar hutang.

Proses memohon perceraian oleh isteri pula agak memakan masa selain memerlukan kerjasama suami yang kebanyakannya melarikan diri. Dalam tempoh inilah isteri dan anak digantung

tidak bertali selain terpaksa membayar hutang yang dipusakakan oleh suami yang hilang.

Jarang pula yang sanggup memin-ta nafkah daripada keluarga suami walaupun itu yang sepatutnya mereka lakukan.

Insurans nafkah jika berlaku perceraian

Apabila perintah nafkah zahir secara automatik kepada bekas isteri dalam edah dan anak yang belum mampu menanggung diri sendiri dicadangkan beberapa tahun dulu, banyak menyokong idea itu.

Bahkan mereka menges-a supaya pihak berkenaan berbuat sesuatu supaya saranan itu dilaksanakan seberapa segera sama ada melalui undang-undang atau bantuan sementara oleh kerajaan.

Antara usul menarik ialah setiap keluarga Muslim mempunyai 'insurans nafkah' supaya jika berlaku perceraian atau suami gagal memberi nafkah, isteri

serta anak tidak teraniaya dan dizalimi. Walaupun masih banyak perkara yang perlu dimurnikan, hal itu tentulah bertujuan memberi keadilan kepada kaum wanita dan anak kecil seperti mana diperintahkan agama.

Adanya nafkah sementara yang boleh diberikan kepada bekas isteri (yang layak) sedikit sebanyak membantu wanita yang sedang dalam proses men-

dapat perintah mahkamah untuk permohonan nafkah.

Seksyen 71 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) menyatakan: "Jika mahkamah berpuas hati bahawa terdapat alasan-alasan untuk membayar nafkah, mahkamah boleh membuat suatu perintah terhadap suami bagi membayar nafkah sementara yang akan berkuat kuasa dengan serta-merta dan terus berkuat kuasa sehingga perintah mahkamah dibuat atas permohonan untuk nafkah."

Nafkah bukan wajib setelah berlakunya perceraian saja sebaliknya bermula saat pertama dilafazkan ijab dan kabul. Amatlah tidak wajar jika suami hanya berkira untuk memberi nafkah ataupun isteri hanya ingin memohon nafkah selepas disahkan bercerai.

Tidak semua isteri layak nafkah

Ia akan merumitkan keadaan setelah pertelingkahan bermula. Walau bagaimanapun, bukan semua isteri layak diberikan nafkah, melainkan yang taat pada suami kerana hak yang boleh dituntut isteri daripada suami mestilah seimbang dengan kewajipan yang ditunaikan terhadap suami.

Nafkah sementara ini memanglah tidak akan menyelesaikan masalah tetapi sebagai perlindungan daripada pemerintah yang peka terhadap keperluan golongan wanita dan kanak-kanak.

Perlu diingat, wanita dan kanak-kanak bukanlah manusia kelas kedua atau ketiga yang boleh dipinggirkan sesuka hati apabila tidak diperlukan, sebaliknya berstatus sama rata sebagai manusia di sisi Allah dan wajib dimuliakan.

Justeru, menzalimi mereka adalah satu kejahatan yang tidak terlindung lagi. Mahkamah wajar mengisytiharkan suami yang gagal membayar hutang nafkah sebagai bankrap supaya menjadi iktibar untuk tidak mengulangi kesalahan sama di masa akan datang.

AL-QURAN

"Lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum wanita"

Surah an-Nisaa'
(ayat 34)